

PENGAGIHAN KES ROGOL DAN CABUL

60%
mangsa mengenali
perogol

1,457 kes
dilaporkan
sepanjang
1999

16%
membabitkan
pencabulan

70%
kes berlaku
di tempat yang
dianggap 'selamat'

Sumber: Pertubuhan Pertolongan
Wanita

B W 8u 10/9/00

Apa yang patut dilakukan jika dirogol

1. Jangan mandi, bersihkan diri, tukar pakaian atau buang bahan bukti yang melekat pada tubuh, walaupun anda rasa kotor dan jijik.

Pergi terus ke hospital untuk pemeriksaan. Mungkin ada lekitan air mani, cecair badan, lumpur, kesan sel kulit, rambut dan darah yang boleh dijadikan bukti penting membawa perogol ke mahkamah.

2. Buat laporan polis dengan segera. Jangan tunggu lama sehingga perogol berjaya menghilangkan diri.

3. Buat pengecaman perogol.

4. Hubungi persatuan wanita yang berkaitan kerana anda tentunya memerlukan sokongan dan khidmat kaunseling.